

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004****TINGKATAN EMPAT****PENDIDIKAN ISLAM KERTAS 1****Dua jam tiga puluh minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B.
2. Bahagian A mengandungi 40 soalan objektif dan Bahagian B mengandungi 4 soalan subjektif.
3. Jawab semua soalan Bahagian A dan tiga soalan Bahagian B. Soalan satu dan dua wajib dijawab dan pilih satu dari mana-mana soalan tiga dan empat.
4. Jawab soalan Bahagian A di kertas soalan.
5. Soalan Bahagian B hendaklah dijawab di dalam kertas jawapan yang disediakan.
6. Jawapan Bahagian A dan B hendaklah diikat bersama-sama.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	40	
Jumlah		40
B	1	
	2	
	3	
	4	
Jumlah		60
JUMLAH		100

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**Bahagian A**  
**[40 markah]**

**Soalan 1 hingga 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A,B,C dan D. **Bulatkan** jawapan yang tepat di dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

1. Berikut merupakan kepentingan iman dalam kehidupan manusia , kecuali :
  - A. Mendorong melakukan kebaikan.
  - B. Mendidik peribadi muslim yang mulia.
  - C. Membezakan antara manusia baik dengan jahat.
  - D. Menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.
  
2. Antara yang berikut, manakah yang merupakan faktor-faktor berlakunya perbuatan sihir dalam masyarakat.
  - i. Memiliki kekuatan yang luar biasa.
  - ii. Membalas dendam terhadap orang lain.
  - iii. Mempercayai kekuatan azimat atau tangkal.
  - iv. Merasa iri hati dengan kelebihan seseorang.
  - A. i, ii dan iii
  - B. i ii dan iv
  - C. i iii dan iv
  - D. ii iii dan iv
  
3. Amalan ini menggunakan pertolongan makhluk ghaib untuk memudharatkan orang lain.
  - A. Sihir
  - B. Kufur
  - C. Riddah
  - D. Khurafat
  
4. Berikut adalah perkara-perkara makruh semasa sembelihan kecuali:
  - A. Melakukan sembelihan di siang hari.
  - B. Menggunakan alat / pisau yang tumpul.
  - C. Menampakkan alat sembelihan kepada binatang yang hendak disembelih.
  - D. Melakukan sembelihan di hadapan binatang lain yang hendak disembelih.
  
5. Pilih kenyataan yang SALAH mengenai syarat cukup umur bagi binatang korban.
  - A. Unta - 5 tahun atau lebih.
  - B. Kambing - 1 tahun atau lebih.
  - C. Lembu / kerbau - 2 tahun atau lebih
  - D. Biri-biri / kibas - 1 tahun atau lebih

6. Baca dan kaji kenyataan berikut:

- Keturunan Bani `Adi.
- Lahir 13 tahun selepas kelahiran Rasulullah s.a.w..
- Memeluk Islam pada tahun ke – 6 selepas kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
- Wafat pada tahun 23 Hijrah.

Siapakah tokoh di atas?

- A. Saidina Ali bin Abi Talib r.a.
- B. Saidina Uthman bin `Affan r.a
- C. Saidina Abu Bakar Al Siddiq r.a.
- D. Saidina Umar bin Al Khattab r.a.

7.

- Ilmu tanpa amal sesat.
- Beramal tanpa ilmu sia-sia.
- Semua orang akan binasa kecuali orang yang berilmu.
- Semua orang yang berilmu akan binasa kecuali orang yang berilmu, beramal dan ikhlas.

Siapakah yang mengeluarkan kenyataan di atas?

- A. Imam Shafie.
- B. Imam Maliki
- C. Imam Ghazali
- D. Imam Bukhari.

8. Padankan kenyataan yang betul.

- A. Jizyah - Cukai tanah
- B. Usyur - Cukai 10% daripada hasil pertanian.
- C. Fai` - Harta yang diperolehi dari peperangan.
- D. Ghanimah - Cukai kepada orang kafir yang meminta perlindungan

9. Islam menuntut umatnya menjaga kemudahan awam kerana:

- A. Tanda sifat sayangkan harta.
- B. Tanda penghargaan kepada pemerintah.
- C. Supaya dapat menjaga keselamatan pengguna.
- D. Supaya dapat dinikmati oleh generasi kemudian.

10. Berikut ialah adab menziarahi jenazah **KECUALI**:

- A. Meratapi kematiannya.
- B. Memaafkan kesalahannya.
- C. Mendoakan kesejahteraan.
- D. Mengucapkan takziah kepada keluarganya.

11. Zikir ialah

- A. Mengingati Allah ketika ditimpa musibah.
- B. Mengingati Allah semasa mendapat nikmat.
- C. Mengingati Allah di majlis tahlil dan doa selamat.
- D. Mengingati Allah dengan hati, lidah dan perbuatan.

12. Kaji pernyataan di bawah ini:

- Mandi bunga.
- Melenggang perut.
- Percaya pada tangkal
- Mengadakan upacara tolak bala.

Pernyataan di atas menerangkan tentang:

- A. Kufur.
- B. Syirik.
- C. Riddah.
- D. Khurafat.

13. Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, orang Ansar telah mengadakan perjumpaan untuk melantik pemimpin mereka sebagai pengganti baginda.

Siapakah calon yang dicadangkan oleh orang Ansar?

- A. Saad bin Abi Waqas.
- B. Zubair bin al Awwam
- C. Saad bin Abi Ubadah.
- D. Abdullah bin al Zubair.

14. Kita dinasihatkan supaya mengingati mati supaya:

- i - Kita bersedia untuk mati.
- ii - Kita beribadat semata-mata
- iii - Kita menginsafi kekurangan diri.
- iv - Kita bergembira sepuas-puasnya.

- A. i dan ii
- B. ii dan iv
- C. i dan iii
- D. iii dan iv

15. Perbuatan ini adalah berdosa besar kerana mengadakan hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan.
- A. Zina.
  - B. Liwat.
  - C. Qazaf.
  - D. Musahaqah
16. Berikut adalah ciri-ciri mukmin yang baik ketika melaksanakan taubat **KECUALI**
- A. Menjauhi sikap buruk.
  - B. Bertaubat tidak pada usia muda.
  - C. Taubat dilakukan dengan hati yang penuh ikhlas.
  - D. Sentiasa bertaubat walau pun melakukan dosa kecil.
17. Syarat-syarat sah `aqiqah ialah:
- i. Berdoa ketika hendak menyembelih.
  - ii. Bermiat `aqiqah ketika menyembelih.
  - iii. Menyembelih binatang yang cukup umur.
  - iv. Dilakukan pada hari ke tujuh selepas kelahiran.
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv
18. Mengapakah Islam mengharuskan berhutang?
- i. Menjaga kepentingan kedua pihak.
  - ii. Menambahkan nilai sesuatu barang yang dihutang.
  - iii. Mengambil faedah daripada kesusahan orang lain.
  - iv. Mengelak sikap malas dan suka meminta secara percuma.
- A. i dan ii
  - B. i dan iv
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv

19. Berikut adalah polisi yang diamalkan oleh Khalifah Uthman bin 'Affan:

- i Penggunaan harta Baitulmal diperketatkan.
- ii Peluang berjihad dibuka kepada semua rakyat.
- iii Pembacaan al Quran hanya dalam lajhah Quraisy.
- iv Para sahabat dilarang meninggalkan kota suci Mekah.

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. i dan iv

20. Di antara kepentingan kemudahan awam ialah

- i Menjimatkan kos dan perbelanjaan.
- ii Memberi peluang kepada individu tertentu.
- iii Memberi kemudahan kepada yang kurang mampu.
- iv Memberi peluang penggunaan di waktu kecemasan.

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv


**Soalan 21 hingga 26.**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21. Insuran yang memberi perlindungan kepada mereka yang menghadapi kerugian pendapatan atau harta dinamakan sebagai \_\_\_\_\_
22. Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. orang Ansar telah mengadakan perjumpaan di \_\_\_\_\_ untuk melantik pemimpin mereka sebagai khalifah.
23. Tawaf \_\_\_\_\_ dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan kota Mekah.
24. \_\_\_\_\_ ialah kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan balasan azab di akhirat
25. Haji \_\_\_\_\_ ialah mengerjakan umrah terlebih dahulu dalam bulan haji dan diikuti dengan mengerjakan haji.
26. \_\_\_\_\_ tidak boleh dilakukan melalui perantaraan dan harus memohon secara langsung kepada Allah.


Soalan 27 – 29 adalah berdasarkan carta minda di bawah.

Nyatakan perkara yang berkaitan dengan syarikat.




- 27. \_\_\_\_\_
- 28. \_\_\_\_\_
- 29. \_\_\_\_\_

Soalan 30 – 32. Lengkapkan carta di bawah:



- 30. \_\_\_\_\_
- 31. \_\_\_\_\_
- 32. \_\_\_\_\_

Soalan 33 – 35 adalah berdasarkan carta di bawah:



- 33. \_\_\_\_\_
- 34. \_\_\_\_\_
- 35. \_\_\_\_\_

Soalan 36 – 38.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai


Jenis Riba	Pengertian	Hukum Riba
36.	Pertambahan yang diperolehi melalui pertukaran barang yang sama sepertinya.	38.
37.	Pertambahan yang diperolehi kerana menanggukkan tempoh bayaran	

- 36. \_\_\_\_\_
- 37. \_\_\_\_\_
- 38. \_\_\_\_\_



## Soalan 39 – 40.

Isi tempat kosong dengan perkara yang berkaitan dosa kecil.



39. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

40. \_\_\_\_\_

**Bahagian B**  
[60 markah]

**ARAHAN.**

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Soalan satu dan dua **WAJIB** dijawab dan pilih satu dari mana-mana soalan tiga dan empat.

- 1 (a) Menolak hukum Islam yang jelas dinyatakan dalam al Quran dan al hadis adalah perbuatan riddah.
- i- Apakah maksud riddah? [ 2 markah ]
- ii- Antara sebab berlakunya riddah di kalangan umat Islam ialah cetek agama dan iman yang lemah.
- Jelaskan dua sebab yang lain. [ 4 markah ]
- iii- Pemerintah hendaklah menguatkuasakan hukuman bunuh ke atas orang murtad.
- Nyatakan hikmat hukuman tersebut. [ 4 markah ]

- (b) Iman merupakan nikmat Allah s.w.t. yang paling agung kepada manusia.
- i- Nyatakan tiga sebab perlunya iman dalam kehidupan. [ 6 markah ]
- ii- Terangkan dua usaha anda untuk meningkatkan iman [ 4 markah ]

(a) Firman Allah s.w.t.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ .....

(المائدة: ٣)

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu memakan bangkai binatang yang tidak disembelih dan darah yang keluar mengalir dan daging babi termasuk semuanya, dan binatang-binatang yang disembelih yang lain dari Allah.

- i- Nyatakan pengertian sembelihan. [ 2 markah ]
- ii- Terangkan dua bahagian daging yang haram dimakan daripada binatang sembelihan. [ 4 markah ]
- iii- Jelaskan dua hikmat sembelihan dalam Islam. [ 4 markah ]

(b) Firman Allah s.w.t.

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَيْنِ مَقْبُوضَةٌ .....

(البقرة ٢٨٣)

Maksudnya: Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati juru tulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)..... (al Baqarah : 283)

- i- Nyatakan dua syarat sah gadaian [ 4 markah ]
- ii- Terangkan perbezaan antara gadaian Islam dengan bukan Islam [ 6 markah ]

- 3 (a) Nabi Muhammad s.a.w. merupakan Rasul pilihan, pembawa risalah Allah untuk membimbing manusia ke jalan yang benar.
- i- Nyatakan contoh perilaku tidak beradab terhadap Rasulullah s.a.w. [2 markah]
  - ii- Terangkan dua hikmat beradab terhadap Rasulullah s.a.w. [4 markah]
  - iii- Bezakan antara adab terhadap Rasulullah s.a.w. dengan orang awam. [4markah]
- (b) Kerajaan Bani Umayyah berjaya menjadi kuasa besar yang dapat memartabatkan agama Islam di dunia ketika itu.
- i- Terangkan tiga faktor yang membantu ke arah kegemilangan tersebut. [6 markah]
  - ii- Jelaskan usaha-usaha khalifah Umar bin Abd.Aziz yang turut menyumbang ke arah kecemerlangan Kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]
- 4 (a) Firman Allah s.wt.

.....وَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

(الجمعة ١٠)

Maksudnya: Ingatlah akan Allah s.w.t. banyak-banyak mudah-mudahan kamu berjaya..

- i- Nyatakan dua contoh lafaz zikir. [2 markah]
  - ii- Terangkan dua sebab perlunya beradab ketika berzikir. [4 markah]
  - iii- Jelaskan dua implikasi yang akan menimpa mereka yang mengabaikan zikir kepada Allah s.w.t [4 markah]
- (b) Imam Bukhari terkenal sebagai seorang tokoh Ilmu Hadis.
- i- Terangkan riwayat hidup beliau secara ringkas. [4 markah]
  - ii- Nyatakan usaha-usaha gigih Imam Bukhari dalam mengumpul hadis. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT